

Analisis Pengajaran Bahasa Melayu dan Jawi dalam Pelita Bahasa Melayu (PBM) Karangan Za'ba

Makmur Haji Harun^{1*}, Mohd Kasturi Nor Abd Aziz² dan Sitti Rachmawati Yahya³

¹Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), 35900 Tanjung Malim, Perak, Darul Ridzuan.

²Pusat Pengajian Pembangunan Insan & Teknokomunikasi, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), 01000 Kangar, Perlis, Malaysia.

³Fakultas Komputer dan Informatika, Universitas Nasional (Unas), Jalan Sawo Manila No. 61, Pejaten, Pasar Minggu, Jakarta Selatan 12520, DKI Jakarta, Indonesia .

ABSTRAK

Za'ba nama panjangnya Zainal Abidin Ahmad, kelahiran 16 September 1895 di Batu Kikir, Jempol Negeri Sembilan, meninggal dunia 23 Oktober 1973. Nama Za'ba popular dalam Organisasi Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu kerana ahli akademik dan penulis gerakan politik Akademik Malaya dan Agama Islam, juga dikenali sebagai sasterawan dan pemikir Melayu keturunan Minangkabau yang giat menulis sekitar tahun 1940an. Tokoh ini merupakan pejuang bahasa Melayu dan Jawi yang komited dan berbakat, Za'ba merupakan pengembang sastera berdasarkan Jawi dengan kaedah Za'banya. Kemudian kaedah pengajarannya dikembangkan melalui buku karangannya Pelita Bahasa Melayu (PBM) dalam tiga jilid. Kepelbagaian kaedah dalam buku ini telah menyumbang pelbagai ilmu yang kekal abadi lagi nyata sebagai bukti komitmen beliau memperjuangkan bahasa Melayu dan Jawi. Perjuangan Za'ba dibuktikan lagi dengan melahirkan kaedah pengajaran tersendiri melalui buku Pelita Bahasa Melayu (PBM) yang diguna pakai dalam memartabatkan bahasa Melayu tersebut dari masa ke masa. Kaedah beliau terus meluas dan digunakan ke seluruh wilayah Nusantara bahkan menjadi karya tulisan pengantar pengajaran dan pembelajaran menjadi panduan linguistik moden di pelbagai peringkat sekolah, berpola pengajaran dan pembelajaran bahasa yang berkesan. Kaedah beliau penuh simbol dan falsafah tersendiri mencerminkan kekayaan khazanah dan budaya masyarakat Melayu. Za'ba juga merupakan tokoh hebat yang telah pergi untuk selamanya, tetapi karyanya tetap abadi sehingga kini. Semoga kajian ini dapat memaparkan analisis mendalam terhadap kaedah pengajaran bahasa dari Za'ba sebagai pejuang gigih dalam memartabatkan bahasa Melayu dan Jawi di Malaysia khususnya dan di Asia Tenggara amnya, sekali gus mampu menjadi satu wacana ilmu yang dapat mengungkap kekayaan khazanah warisan Melayu di Nusantara.

Kata Kunci: Pengajaran, Bahasa Melayu, Tulisan Jawi, Pelita Bahasa Melayu, Za'ba.

ABSTRACT

Za'ba's long name Zainal Abidin Ahmad, born September 16, 1895 in Batu Kikir, Jempol Negeri Sembilan, died October 23, 1973. The name Za'ba is popular in the Malay language and Malay Congress Organizations as academic and writers of the political movement of the Malaya Academic and Islamic religion, also known as the Malay literary writers and Minangkabau people who wrote about the 1940s. This figure is a committed and gifted Malay and Jawi fighter, Za'ba is a literary developer based on Jawi by Za'ba method. Then the teaching method was developed through the book Pelita Bahasa Melayu (PBM) in three volumes. The diversity of methods in this book has contributed to the ever-everlasting and everlasting knowledge as proof of his commitment to championing the Malay and Javanese language. Za'ba's struggle is further proven by giving its own method of teaching through the Pelita Bahasa Melayu (PBM) which is used to uphold the Malay language from time to

*Koresponden: makmur@fbk.upsi.edu.my

time. His methods continue to be widely used throughout the archipelago and even become a masterpiece of teaching and learning as a modern linguistic guide at various levels of schooling, effective teaching and learning methods. His method of symbols and philosophies reflects the richness and culture of the Malay community. Za'ba is also a great figure who has gone forever, but his work remains eternal today. Hopefully this study will show an in-depth analysis of the language teaching method from Za'ba as a fierce warrior in upholding the Malay and Jawi languages in Malaysia especially and in Southeast Asia generally, thus being able to become a discourse of knowledge that can uncover the richness of the Malay heritage of the Nusantara.

Keywords: Teaching, Malay, Jawi writing, Pelita Bahasa Melayu, Za'ba.

PENGENALAN

Pengajaran bahasa Melayu dengan menggunakan tulisan Jawi merupakan salah satu kemahiran menulis dalam bentuk font Jawi yang unik perlu dipelbagaikan dalam segala keperluan, selain adanya panduan berlandaskan al-Quran dan al-Hadith dari huruf Arab sebagai konsep tulisannya. Selain itu, kaedah asas yang telah diperkenalkan oleh Za'ba melalui pelbagai buku dan karya Pelita Bahasa Melayu dengan menggunakan pelbagai pendekatan dan bentuk kaedah yang beliau kembangkan melalui buku, novel, cerpen, majalah, akhbar, dan sebagainya juga dapat dijadikan sebagai titik tolak kesungguhan dan kegigihannya sebagai pejuang bahasa Melayu dan tulisan Jawi yang sejati serta sebagai tokoh pemartabatan tulisan tersebut di Nusantara.

Kaedah pengajaran bahasa Melayu dan tulisan Jawi Za'ba merupakan salah satu bidang yang mencakupi seni Islami sebagai sumber kraftangan dari identiti jati diri orang Melayu dalam menunjukkan corak budaya masyarakat Melayu khasnya dan masyarakat Asia Tenggara amnya. Perkara ini tidak terlepas daripada makna, falsafah, bentuk, dan corak karya dan tulisan yang telah digambarkan oleh Za'ba melalui buku karangannya Pelita Bahasa Melayu yang tumbuh dan berkembang penggunaannya, bermula dari tempat kelahiran beliau di Negeri Sembilan sehingga menyebar ke seluruh negeri dan malahan melangkaui sempadan sehingga ke negara anggota ASEAN yang lain.

Za'ba juga dikenal sebagai pejuang gigih dalam memartabatkan bahasa Melayu tulisan Jawi tersebut. Nama beliau terukir indah dalam pahatan sejarah masyarakat Melayu di Nusantara. Za'ba telah tiada namun tetap meninggalkan pelbagai karya bermakna untuk pengajaran dan pembelajaran. Tulisan dan karyanya tersebut beliau lengkapi dengan kaedah, model, gaya, dan teknik tersendiri yang berguna bagi pencinta-pencinta warisan bahasa dan sastera Melayu dari masa ke masa. Dan semoga melalui karya hebat Za'ba ini *Pelita Bahasa Melayu (PBM)* mampu menterjemahkan kehendak dan minat masyarakat Melayu di Nusantara terhadap cita-cita mereka tersebut. Selain berfungsi sebagai karya agung yang diharapkan hadir di tengah-tengah masyarakat majmuk sebagai obor penerang dalam merealisasikan kehidupan mereka yang bertamadun sehingga dapat setanding bangsa-bangsa lain di atas muka bumi ini.

RIWAYAT HIDUP ZA'BA

Zainal Abidin bin Ahmad atau juga dikenali umum sebagai Pendeta Za'ba dilahirkan di daerah pedalaman di kampung Bukit Kerdas, Batu Kikir, Negeri Sembilan pada tarikh 16 September 1895 dan meninggal dunia pada 23 Oktober 1973. Za'ba merupakan seorang sasterawan dan pemikir Melayu keturunan Minangkabau yang giat menulis sekitar tahun 1940-an. Berdasarkan pencapaiannya dalam bidang kesusasteraan, beliau merupakan salah seorang budak kampung yang berjaya meletakkan dirinya sebagai seorang tokoh yang terkemuka dalam sejarah Malaysia. Za'ba menerima pendidikan awalnya di sebuah sekolah Melayu, Linggi. Kemudian,

beliau mendapat pendidikan asas Islam serta bahasa Arab semasa membesar di kampungnya. Kemudian menyambung pembelajarannya di institusi St. Paul, Seremban dan merupakan orang Melayu pertama menduduki peperiksaan *Senior Cambridge* dan lulus peperiksaan pada tahun 1915.

Berbekalkan sijil peperiksaan tersebut, Za'ba telah diterima memasuki perkhidmatan pendidikan kolonial sebagai seorang guru. Walaupun begitu, beliau hanya menjadi guru selama tujuh tahun pada 1916-1923 kerana pemikirannya dianggap progresif oleh pihak berkuasa. Pemikiran tersebut ditakuti akan mempengaruhi pelajar-pelajarnya di dalam bilik darjah. Dari tahun 1923 hingga tahun 1947, iaitu empat tahun sebelum bersara, Za'ba bertugas menjadi pengarang dan penterjemah Melayu. Tugas utamanya ialah untuk menerbitkan buku teks dan buku bacaan umum sekolah Melayu (Adnan Haji Nawang, 1996: 1).

Za'ba merupakan seorang cendekiawan Melayu yang dihormati selama hampir 40 tahun, aktif dalam kegiatan penulisan termasuk penterjemahan. Aktiviti beliau juga tertumpu kepada penerbitan buku sekolah dan bacaan umum di Biro Penterjemahan, Maktab Perguruan Sultan Idris. Za'ba memulakan kerjayanya sebagai guru sekolah di Johor Bahru pada tahun 1916, dan kemudiannya bertukar ke Kolej Melayu, Kuala Kangsar tahun 1918; Jabatan Pendidikan, Kuala Lumpur tahun 1923; Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI) Tanjong Malim Perak tahun 1924; Jabatan Maklumat, Singapura tahun 1939 sehingga 1942; Pusat Pengajian Kajian Timur dan Afrika tahun 1942; dan Universiti London tahun 1943 sehingga 1951; dan Universiti Malaya, Singapura tahun 1954 sehingga 1959. Beliau merupakan seorang yang gemar membaca dan memiliki bakat dalam bidang penulisan. Kebanyakan hasil penulisannya muncul dalam akhbar-akhbar tempatan dan majalah-majalah seperti *Utusan Melayu*, *Lembaga Melayu*, *Pengasuh*, dan *Pakar Majalah*. Beliau telah menerbitkan beberapa siri monograf dalam bahasa Melayu, termasuk "*Bahasa Pelita*", dan "*Ilmu Mengarang*". Hasil penulisannya yang lain termasuk "*Cerita-cerita Shakespeare*" yang diterbitkan oleh Percetakan Gudang Chap, di Singapura.

Oleh itu, melalui tulisan ini diharapkan semoga komitmen dan kegigihan Za'ba melalui kaedah pengajaran beliau dalam *Pelita Bahasa Melayu* dapat memperjuangkan bahasa Melayu dan tulisan Jawi yang dapat dijadikan sebagai contoh dan panduan sebagai ekspresi perjuangan dari pejuang-pejuang bahasa dan tulisan Jawi lainnya sehingga dapat dikembanguaskan di Nusantara melalui karya atau tulisan beliau, selain dapat dijadikan sebagai wasilah pemantapan keilmuan, kepakaran, dan kefahaman tentang khazanah berharga dalam tamadun Melayu.

KETOKOHAN ZA'BA

Perbincangan mengenai sosok ketokohan Za'ba yang telah beliau turunkan kepada anak bangsa negara ini, terutama sosok pengkaryaan tulisan yang mereka wariskan di Malaysia khususnya dan Nusantara amnya yang telah banyak menjadi rujukan, ikutan, dan pedoman dalam pelbagai keperluan pengajaran bahasa dan tulisan. Antara kisi penting dalam melihat sosok ketokohan Za'ba sebagai bukti nyata penampakan sosok sebagai pejuang bangsa dan negara. Maka semakin terlihatlah sosok ketokohan Za'ba yang merupakan tokoh Melayu pertama yang benar-benar menganalisis sistem ejaan Jawi dari segi prinsip dan segala permasalahannya melalui tulisannya "*Jawi spelling*" (JMBRAS, Jil. IV, 1982: 80-104).

Selain itu, Za'ba telah memperkatakan tulisan Jawi dari segi sebab-sebab timbulnya ketidakseragaman ejaan, sistem pemvokalan dalam Jawi, sistem ejaan dalam suku kata terbuka dan tertutup, kepanjangan, tekanan dan intonasi, perkembangan dan penggunaan abjad-abjad "و،ي"، penggunaan abjad-abjad "ء،ا"، dan penyebutan serta pengejaan bunyi *a* pada akhir kata. Tindakan beliau seterusnya menerbitkan buku *Daftar ejaan Melayu Jawi-Rumi* pada tahun 1949 dimana buku ini banyak membincangkan kaedah ejaan Jawi dan rumi, selain dibincangkan juga

dalam buku nahunya yang termasyhur iaitu *Pelita Bahasa Melayu* penggal 1 tahun 1940 (Hashim Musa, 2006: 15).

KARYA ZA'BA

Pelbagai tulisan yang telah Za'ba wariskan kepada bangsa dan negara ini, terutama karya tulisan warisan Jawi di Malaysia khususnya dan Nusantara amnya yang menjadi rujukan dan panduan dalam pelbagai macam situasi yang ada. Antara perincian sumbangan beliau sebagai bukti kesungguhannya dalam membentuk jati diri orang Melayu melalui bahasa dan tulisannya. Malahan Za'ba tercatat dalam senarai penulis Melayu yang terawal yang telah meninggalkan beberapa karya tulisan seperti *Pelita Bahasa Melayu* penggal 1 (1940), *Pelita Bahasa Melayu* penggal 2 (1946), *Pelita Bahasa Melayu* penggal 3 (1947) dan *Daftar Ejaan Melayu Jawi-Rumi* (1949).

Pada tahun 1983, melalui daya usaha Dewan Bahasa dan Pustaka, di mana Awang Mohd. Amin telah membuat penyelidikan tentang tulisan Jawi yang berjudul *Satu Kajian Terhadap Kaedah Ejaan Jawi Za'ba* dengan tujuan "...untuk mencari data itu akan dipergunakan sebagai asas untuk menyempurnakan ejaan tersebut iaitu sebelum ia diajarkan kepada pelajar-pelajar khususnya dan orang ramai amnya". Hasil kajian tersebut telah dibahaskan oleh Raja Mukhtarudin Raja Mohd. Dain dengan artikelnya *Laporan Tentang Satu Kajian Kaedah Ejaan Melayu Za'ba* yang dibuat oleh Awang Mohd. Amin dan Hamdan Hj. Abdul Rahman dalam artikelnya *Sistem Ejaan Jawi Bahasa Melayu Bagi Memenuhi Keperluan Masa Depan* dalam satu bengkel yang diadakan di Dewan Bahasa dan Pustaka pada bulan Februari 1982 (Hashim Musa, 2006: 17).

Za'ba pernah merancang untuk menyusun kamus tetapi rancangan tersebut tidak dapat disempurnakan sampai beliau meninggal dunia. Sementara dalam penyusunan *Daftar Ejaan Melayu Jawi-Rumi*, beliau menghadapi banyak masalah dari sudut ejaan kata-kata Melayu dengan menggunakan tulisan Jawi. Hal ini disebabkan pada masa itu belum ada pedoman ejaan Jawi yang dapat dijadikan panduan dalam menghasilkan tulisan. Oleh sebab itu, beliau terpaksa menyusun *Kaedah Tulisan Melayu dengan Huruf Jawi*. Sebelum beliau menyusun kaedah ejaan ini untuk buku beliau *Daftar Ejaan Melayu Jawi-Rumi*, beliau telah pun menulis sebuah buku yang bertajuk *Rahsia Tulisan Jawi* yang terbit pada tahun 1931 (Amat Johari Moain, 1996: 80).

Pada tahun 1946, beliau menerbitkan satu buku lagi yakni *Kitab Pelita bahasa Melayu* penggal 2, kaedah dan cara mengeja Jawi juga dimasukkan dalam buku tersebut, dimasukkan pada bahagian awal buku tersebut. Dan karya beliau yang lain disusuli juga *Kitab Pelita Bahasa Melayu* penggal 3, dan karya terpenting beliau adalah *penggal 1* kerana yang lainnya merupakan latihan lanjutan tentang Nahu dan Stilistika Melayu yang beliau huraikan secara panjang lebar (Asmah Hj. omar, 1978: 151).

KOMITMEN ZA'BA DALAM MEMARTABATKAN BAHASA MELAYU DAN JAWI

Perinsip dan komitmen penulisan yang telah ditunjukkan oleh Za'ba telah mengangkat nama beliau sebagai tokoh bahasa yang hebat di negara ini, terutama komitmennya dalam memartabatkan bahasa Melayu dan pengkaryaanannya terhadap tulisan Jawi yang telah beliau warisi sebagai karya agung yang dapat dirujuk dan dipelajari dalam pelbagai macam keperluan terutama proses pengajaran dan pembelajaran bahasa. Antara hal penting dalam melihat komitmen beliau sebagai bukti nyata terhadap masyarakat Melayu dan sekali gus penyumbang penting warisan bangsa dan negara ini.

Sebagai komitmen dan kesungguhan Za'ba dalam memperjuangkan tulisan Jawi dapat dilihat melalui pandangan-pandangan beliau dalam perkembangan sistem ejaan Jawi dari masa ke masa. Sebagai contoh, Za'ba pernah mengatakan bahawa dalam abad-abad ke-16 hingga 17 M., sistem ejaan Jawi yang lebih baku mengurangkan penggunaan abjad-abjad *alif, wau, dan ya* yang banyak digunakan sebagai sistem pemvokalan seperti yang terdapat dalam tulisan Jawi pada Batu Bersurat Terengganu dan sebaliknya pula menggunakan lebih banyak sistem baris (Za'ba, 1928: 82). Kata Za'ba lagi, bahawa ini membuktikan penulis atau penyalin pada masa tersebut sentiasa tergambar dalam fikiran mereka sistem pemvokalan secara baris dalam penulisan ejaan Jawi.

Kemudian kebenaran pernyataan Za'ba ini boleh dibuktikan melalui sistem ejaan Jawi yang ada pada batu nisan Ahmad Majnun yang tertulis di atasnya tarikh 802 H./1467-1468 M., yakni merupakan teks Jawi kedua tertua di Nusantara yang pernah dijumpai selepas Batu Bersurat Terengganu. Batu nisan ini seperti yang telah dihuraikan dalam banyak kajian, ia mempunyai inskripsi di setiap empat penampangnya, iaitu pada dua penampangnya tertulis bahasa Melayu dalam skrip Kawi, manakala pada dua penampang lagi tertulis bahasa Melayu dalam skrip Jawi. Halaman berikutnya diperturunkan pula gambar skrip Jawi yang ada pada dua penampang batu nisan tersebut. Tulisan pada kedua-dua penampang ini jelas menunjukkan yang mana tulisan ini adalah sama (Hashim Musa, 2006: 36).

Sebagai bukti lain yang dapat menunjukkan keteguhan Za'ba (1940: 143) dalam memperjuangkan tulisan Jawi terbukti ketika beliau pernah menyatakan bahawa sistem ejaan Jawi yang digunakan oleh Raja Ali Haji merupakan "...a strange mixture of modern and his own..." terutamanya apabila beliau menggunakan tanda *i'rab* (baris) Arab secara terbalik atau diubahsuai untuk menandakan sebutan dalam bahasa Melayu. Dalam hal ini abjad Jawi yang disenaraikan terdiri daripada 22 abjad, iaitu yang dinamakan "huruf-huruf yang terpakai dalam bahasa Melayu" iaitu ا, ب, ت, ج, ح, ز, د, س, غ, ف, ق, ك, ل, م, ن, و, ه, لا, ع, ي, ث. Tiga abjad iaitu ا, و, ي dinamakan huruf saksi (vokal), manakala yang lain dinamakan sebagai huruf benar. Abjad *lam alif* dinamakan huruf jadi, abjad *hamzah* pula dinamakan huruf tanda sebagai pengganti *alif* pada tengah kata dan pengganti abjad *qof* pada akhir kata (Hashim Musa, 2006: 160-164).

PENGIKTIRAFAN DAN PENGHARGAAN KEPADA ZA'BA

Karya-karya penulisan yang telah disumbangkan oleh Za'ba telah mengangkat nama dan harkat diri beliau di negara ini, malahan mendapat pengiktirafan dan penghargaan yang pelbagai dalam mempertahankan dan memartabatkan bahasa Melayu juga bidang tulisan Jawi. Penghargaan lain, pernah dilaksanakan satu bengkel yang membincang segala permasalahan tulisan Jawi kaedah Za'ba dan sebagai kesan daripada perbincangan dalam bengkel tersebut, satu jawatankuasa ejaan Jawi Dewan Bahasa dan Pustaka telah dibentuk untuk menyemak sistem tulisan yang ada pada masa itu (khususnya sistem tulisan Jawi Za'ba) dan memperkemasnya. Hakikat ini ditegaskan oleh pengerusinya Hamdan Hj. Abdul Rahman, iaitu tugas jawatankuasa itu "... mengekalkan yang sudah kemas, melengkapkan yang kurang, mengadakan yang tiada, menjelaskan yang kabur, dan mengemaskan yang longgar ... (jadi) yang (akan) dihasilkan hanyalah sistem ejaan Jawi Za'ba yang diperkemas dan dinyatakan semula dengan perkataan baru" (Hamdan Hj. Abdul Rahman, 1984: 1).

Sebagai hasil daripada usaha jawatankuasa itu, maka pada tahun 1986, Dewan Bahasa dan Pustaka telah menerbitkan buku *Pedoman Ejaan Jawi Yang Disempurnakan (EJYD)* yang mengikut keterangan dalam prakata buku itu "... risalah ini terkandung kaedah-kaedah ejaan Jawi yang telah disemak daripada buku *Daftar Ejaan Jawi-Rumi Za'ba* (1949) ... tidak banyak perubahan dilakukan ... di antara perkara baru yang diperkatakan ialah konsonan untuk melambangkan huruf v dalam tulisan Rumi ... penulisan imbuhan -an, -i diseragamkan ... kaedah

penulisan kata ulang dan nama gelaran, singkatan, dan akronim". Buku ini mengandungi tiga bab iaitu tentang pengenalan abjad dan huruf, bentuk huruf, dan cara kaedah mengeja Jawi.

Pengiktirafan lain sebagai tanda perjuangan Za'ba dalam mengangkat bahasa Melayu dan tulisan Jawi-Rumi, di mana pada tahun 1988 Dewan Bahasa dan Pustaka menerbitkan pula buku *Daftar Ejaan Rumi-Jawi* yang memuatkan "... perbendaharaan kata dasar umum bahasa Malaysia, termasuklah kata pinjaman umum bahasa asing seperti bahasa Arab, bahasa Inggeris, dan lain-lain. Kata-kata ini disusun menurut abjad rumi dan padanan Jawi yang diberikan disebelahnya". Kaedah ejaan Jawi yang digunakan dalam buku ini adalah berdasarkan buku *Pedoman Ejaan Jawi Yang Disempurnakan (EJYD)*.

KEPERGIAN ZA'BA YANG ABADI

Kepergian Za'ba sebagai tokoh bahasa yang diperhitungkan telah meletakkan nama beliau di negara ini menjadi salah satu nama yang harum, kerana Za'ba telah banyak menyumbang dan sudah mewariskan karya-karya agungnya yang dapat dijadikan sebagai rujukan dan pedoman dalam pelbagai macam keperluan pelajaran dan pengajaran bahasa. Antara pesan penting terakhir yang dapat menjadi bukti kesungguhan Za'ba yang telah ditunjukkan kepada masyarakat Melayu dan sekali gus penyumbang besar dalam mewarnai warisan khazanah bangsa dan negara ini.

Karya peninggalan Za'ba dapat disemak secara mendalam melalui pucuk-pucuk surat beliau yang mengandungi segala isu dan permasalahan sama ada isu keluarga, tokoh, dan politik Melayu dan luar negara, agama, buku dan majalah, perkembangan diri beliau dan isu-isu sampingan lainnya. Dari sekian banyak surat Za'ba, ada 41 pucuk surat beliau kepada Mohd. Yusof sebagai adik kandungnya sendiri, yakni dari tahun 1965-1973 ketika beliau sudah berusia 70-78 tahun, didapati dimana Za'ba juga sering menceritakan tentang saudara mara, menjadi penasihat kepada Mohd. Yusof dalam soal nikah kahwin sanak saudara mereka di Linggi. Hampir $\frac{3}{4}$ daripada surat-surat Za'ba kepada adiknya tersebut membincangkan perkembangan kaum keluarga masing-masing sehinggalah kepada 6 bulan sebelum menghembuskan nafasnya yang terakhir, termasuk mengenangkan kembali ahli keluarga mereka (termasuk ayahnya) yang telah meninggal dunia (Surat Za'ba bertarikh 23 April 1973) (Wan Abdul Kadir, 1996: 104).

Beliau telah meninggal dunia dan telah mewariskan sekian banyak karya yang dapat menjadi kenangan abadi sampai bila-bila masa dalam masyarakat Melayu. Tetapi beliau sebagai manusia biasa dan telah dipanggil untuk menghadap *Rabnya* tepat pada tarikh 23 Oktober 1973. Za'ba sebagai seorang sasterawan dan pemikir Melayu telah meninggalkan kita dengan mewariskan sekian banyak buku-buku rujukan penting yang dapat menjadi kenangan abadi terutamanya dalam bidang bahasa, kesusasteraan dan juga tulisan Jawi di Alam Melayu.

Apa yang boleh kita gelarkan kepada Za'ba selain istilah pepatah Melayu "*Gajah mati meninggalkan gading, harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama*", "*Jasadmu tenang dan baktimu dikenang.*" Nama Za'ba tetap abadi dalam ingat masyarakat Melayu dan namanya akan tetap terus terukir indah dengan tinta emas sejarah yang kekal harum sepanjang zaman sebagai pejuang sejati dalam bahasa Melayu dan tulisan Jawi di negara ini khasnya dan di Nusantara amnya.

ANALISIS PENGAJARAN BAHASA MELAYU DAN TULISAN JAWI DALAM PELITA BAHASA MELAYU (PBM) PENGGAL 1, 2 & 3 KARANGAN ZA'BA

Sebagai analisis untuk menghasilkan kajian yang lebih menarik dan sistematik, maka penulis perlu memaparkan beberapa pendekatan dalam langkah pemerhatian terhadap hasil

pengajaran bahasa Melayu dan tulisan Jawi kaedah Za'ba melalui buku karangannya *Pelita Bahasa Melayu (PBM)* dari penggal 1, 2 dan 3, seperti huraian berikut:

BENTUK ANALISIS KAJIAN

Kaedah kajian ini dibuat terdiri daripada beberapa aspek dan langkah penting yang digunakan untuk menghasilkan kajian mengenai pendalaman lebih mendalam pengajaran bahasa Melayu dan tulisan Jawi yang telah dipopularkan oleh Za'ba melalui buku karangannya *Pelita Bahasa Melayu (PBM)*, seperti berikut:

PENERAPAN SISTEM KAEDAH EJAAN JAWI

Sebagai langkah berikut, iaitu penganalisan data, setelah kami teliti kaedah tokoh ini dan menyusuri perjuangan Za'ba dalam bahasa Melayu dan tulisan Jawi yang telah dipopularkan oleh Za'ba sebagai asas serta mengambil kira buku-buku yang telah beliau sumbangkan di pelbagai tempat, negeri, kedai buku, perpustakaan, sekolah, atau pusat pengembangan tulisan Jawi yang terpilih di seluruh negeri di Nusantara. Hal ini, sudah tentu mengambil kira buku-buku dan karya-karya Za'ba yang tersebar luas hampir merata tempat di seluruh tanah air. Di antara kajian tinjauan secara ringkas adalah tentang penerapan sistem kaedah ejaan Jawi yang menjadi pelengkap bagi tulisan ini. Terdapat empat jenis pedoman ejaan Jawi yang dapat di ketengahkan yang pernah disusun melengkapkan bahasa Melayu, iaitu:

- i. Sistem ejaan Jawi Pakatan Bahasa Melayu Persuratan Buku-buku Diraja Johor (P.Bm.P. B), atau singkatannya Ejaan Pakatan.
- ii. Sistem ejaan Jawi yang dibentuk oleh Pendeta Za'ba atau singkatannya Ejaan Za'ba.
- iii. Sistem ejaan yang diperkembangkan oleh majalah *Dian* atau singkatannya Ejaan Dian, dan
- iv. Sistem ejaan yang diusahakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka melalui Konvensyen Kebangsaan Tulisan Jawi di Terengganu pada tahun 1984 yang terkenal dengan nama *Ejaan Jawi Yang Disempurnakan (EJYD)*.

Sebenarnya pada tahun 1972, Raja Mukhtaruddin Mohd. Dain pernah mencadangkan satu sistem ejaan Jawi dengan kaedah berbaris, dan beliau menyarankan supaya apabila kaedah itu telah mantap dan mapan, maka dihilangkan barisnya. Akan tetapi oleh sebab sistem itu sama seperti sistem ejaan Jawi pengaruh Arab sebagaimana yang pernah wujud pada awal sejarah tulisan Jawi Melayu, maka sistem ini tidak dengan sendiri lebur melalui kaedah yang diperkenalkan oleh Za'ba. Lagi pun tidak ada siapa pun yang mencuba menggunakan gagasan sistem ini, sepanjang pengetahuan penulis, iaitu selepas gagasan itu dicadangkan, bahkan sebaliknya ada pula yang menentang seperti penentangan yang dibuat oleh Shafi'i Abu Bakar (1971) (Amat Juhari Moain, 1996: 72).

KAEDAH PENGAJARAN JAWI ZA'BA (R.H)

Za'ba telah berusaha mengumpulkan kata-kata Melayu sejak tahun 1918 dengan harapan untuk mewujudkan satu daftar kata Melayu dalam tulisan Jawi berserta dengan padanan ejaan ruminya dan seterusnya disusun menjadi satu kamus Melayu yang lengkap. Cita-citanya itu tercapai sebahagian sahaja, iaitu apabila siap disusun buku *Daftar Ejaan Melayu: Jawi-Rumi* pada tahun 1983 dan diterbitkan pada tahun 1949. Menurut Amat Juhari Moain (1996: 72) dalam bukunya *Perancangan bahasa: Sejarah aksara Jawi* menyatakan bahawa garis besar kaedah ejaan Melayu dengan huruf Jawi yang disusun oleh Za'ba dalam buku *Daftar ejaan Melayu: Jawi-Rumi* adalah seperti berikut:

Mula-mula diperkenalkan huruf-huruf Jawi, iaitu huruf-huruf yang dipinjam daripada bahasa Arab dan huruf-huruf yang dicipta kemudian. Selepas itu, diperkenalkan huruf-huruf ا و ي sebagai huruf saksi (vokal) dan juga sebagai huruf (konsonan). Di peringkat ini diterangkan bunyi saksi dalam bahasa Melayu. Za'ba kemudian menerangkan tentang kaedah ejaan menggunakan baris dan juga huruf saksi yang wujud dalam tulisan Melayu huruf Jawi. Bertitik tolak dari sini, maka diperincikan kaedah mengeja Jawi dimana Za'ba telah membahagikan sistem ejaannya kepada dua bahagian besar, **Pertama** iaitu ejaan pada perkataan asal, dan **Kedua** ejaan perkataan bertambah. Bagi ejaan pada perkataan asal dipecahkan lagi menjadi lapan pecahan kecil, iaitu:

- Ejaan dua bunyi sejenis.
Atas + atas (terdapat tiga undang-undang), bawah + bawah (satu undang-undang), hadapan + hadapan (satu undang-undang).
Contohnya: atas + atas ماتي (mata) ساي (saya) dan sebagainya.
- Dua bunyi yang berlainan. Di sini terdapat satu undang-undang (undang-undang VI).
Contohnya: بالي (bali) كولي (kuli) dan sebagainya.
- Bunyi di atas berpadu (undang-undang VII).
Contohnya: بنته (bantah) بنتل (bantal) dan sebagainya.
Dalam bahagian ini diterangkan kesukaran yang dihadapi, iaitu untuk membezakan antara 'tandang' dengan 'tandang', atau 'kencing' dengan 'kancing' dan sebagainya.
- Perkataan bunyi berkait. Di sini terdapat lima undang-undang, iaitu undang-undang VIII, IX, X, XI, dan XII.
Contohnya: بوات (buat) هياس (hias) بليو (beliau), dan sebagainya.
- *Alif*, *wau*, dan *ya* saksi berjumpa dengan *alif*, *wau*, dan *ya* yang bukan huruf saksi. Bagi kaedah ejaan ini terdapat empat undang-undang, iaitu undang-undang XIII, XIV, XV, dan XVI.
Contohnya: لايو (layu) جاي (jaya) كوديس (kudis), dan sebagainya.
- Ejaan Tua (undang-undang XVII).
Contohnya: اين (ini) دان (dan) ايت (itu), dan sebagainya.
- Perkataan yang dipinjam daripada Arab (undang-undang XVIII dan XIX). Dalam kaedah ini ejaan kata-kata Arab dikekalkan seperti dalam ejaan asal, kecuali pada tiga tempat:
 - Apabila telah biasa dieja orang menyalahi kaedah asalnya.
Contohnya: ريتا (rela) معنا (makna) فتوا (petua)
 - Apabila bunyi telah terpalang.
Contohnya: فذولي (peduli) dari perkataan (مبذير), ممبرير (mumbasir) dari perkataan (مبذير).
 - Telah masuk penambah atau imbuhan Melayu
Contohnya: وارث - موارثي (me-waris-i), عالم - كعالمين (ke-alim-an), عالم - قعالمين (peng-alam-an).
- Memakai baris dan tanda (undang-undang XX). Kaedah ini adalah untuk mengatasi masalah tentang sukarnya membunyikan sesuatu perkataan kerana terkeliru dengan perkataan-perkataan lain. Dalam hal ini, Za'ba mencadangkan supaya digunakan tanda baris atau tanda lain, akan tetapi itu adalah langkah yang terakhir.
Bagi ejaan perkataan bertambah, Za'ba memecahkannya kepada tiga pecahan kecil, iaitu:
- Masuk menambah di pangkal. Di sini terdapat tiga undang-undang, iaitu undang-undang I, II, dan III.
- Masuk menambah di hujung. Di sini terdapat empat undang-undang, iaitu daripada undang-undang IV hingga undang-undang VII.
- Masuk menambah di pangkal dan di hujung. Undang-undang VIII: Memerikan kata berpenambah di pangkal serta di hujung, iaitu gabungan undang-undang ejaan kata berpenambah di pangkal dengan ejaan kata berpenambah di hujung seperti yang telah dibincangkan sebelum ini.

PANDALAMAN BAHASA MELAYU DALAM BUKU *PELITA BAHASA MELAYU (PBM) PENGGAL 1, 2 DAN 3*

- Latar Belakang *Buku Pelita Bahasa Melayu (PBM)*

Pelita Bahasa Melayu (PBM) adalah buku tatabahasa dan latihan penggunaan bahasa Melayu. Buku ini dikarang oleh Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba) dan diterbitkan oleh Pejabat Karang-Mengarang, Jabatan Pelajaran, Persekutuan Tanah Melayu. *Pelita Bahasa Melayu* Penggal 1 (PBM I) diterbitkan pada tahun 1940, *Pelita Bahasa Melayu* Penggal 2 (PBM II) pada tahun 1946 dan *Pelita Bahasa Melayu* Penggal 3 (PBM III) pada tahun 1947. Ketiga-tiga penggal itu telah dicetak semula oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada tahun 1962. Penggal I dicetak semula sebanyak tiga kali, dan yang terakhirnya pada tahun 1965.

PBM I diterbitkan lebih awal dalam tulisan Jawi, dengan tajuk Ilmu Bahasa Melayu, (Penggal 1: Saraf dan Nahu Melayu). Naskah ini diterbitkan oleh Pejabat Pelajaran Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu, (No. 9 The Malay School Series). Cetakan pertama muncul pada tahun 1927. Semasa menyediakan buku ini, Za'ba telah menyatakan pengaruh yang diterimanya daripada C.O. Blagden, O.T Dussek, Mohd Hashim bin Haji Talib dan R.O Winstedt semasa beliau bertugas di School of Oriental and African Studie, London. Blagden banyak memberi ulasan *Pelita Mengarang* begitu juga dengan Winstedt yang telah membaca dan memberi ulasan kepada naskah ini. Antara tahun 1934 hingga tahun 1936, Za'ba telah menyesuaikan kitab *Ilmu Bahasa Melayu* menjadi Nahu Melayu.

Pelita Bahasa Melayu Penggal 1 mengandungi 16 bab. PBM I sangat berpengaruh sebagai nahu pedagogi terulung bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana kejelasannya dalam memberi huraian dan bermanfaat buat penutur bahasa Melayu yang menjadikannya sebagai antara rujukan yang utama. *Pelita Bahasa Melayu* Penggal 2 pula merupakan sambungan PBM I bagi mengisi bahagian karang-mengarang dan latihan lanjut tatabahasa. Buku ini dikarang untuk pelajar darjah dua, tiga dan empat sekolah Melayu dan digunakan untuk pendidikan sekolah menengah yang wujud selepas zaman kemerdekaan Tanah Melayu. Buku ini juga turut mendukung fungsi yang sama seperti PBM I iaitu sebagai bahan pedagogi bahasa Melayu dan rujukan buat penutur bahasa Melayu dalam menggunakan nahu yang betul.

Buku *PBM* Penggal 2 dicetak untuk pertama kali pada tahun 1940 dalam tulisan Jawi dan diulang cetak pada tahun 1947. Dalam edisi kedua dengan beberapa pembetulan kecil telah dilakukan. Seterusnya, pada tahun 1953, DBP telah menerbitkan Penggal I dalam tulisan Rumi bertujuan untuk menyesuaikan dengan kehendak-kehendak tuntutan zaman. Dalam cetakkan ini juga telah ditambah dua bab baharu bagi menerangkan selok-belok ejaan Rumi dan menerangkan cara-cara menghuraikan ikatan ayat-ayat.

Pelita Bahasa Melayu Penggal 2 pula terdiri daripada 12 bab yang huraian terperinci mengenai pengarangan. Buku ini diakhiri dengan lampiran yang berupa cerita-cerita pendek yang mudah dibaca sebagai contoh-contoh karangan. Sementara *Pelita Bahasa Melayu* Penggal 3 yang merupakan jilid terakhir PBM. Buku ini dikarang antara tahun 1946 hingga 1947 tetapi diterbitkan kemudian. PBM Penggal 2 dan 3 dikarang untuk menjelaskan lebih lanjut tentang perihal karangan mengarang. Buku ini ditulis untuk para pelajar darjah lima, enam, tujuh dan tahun satu Maktab Perguruan. Buku penggal ketiga ini mengandungi 15 bab yang khusus hal karang-mengarang dan perbincangan mengenai kesalahan dan pembetulan bahasa. Penggal ini diakhiri dengan lampiran penting untuk guru, dengan membincangkan cara mengajar karangan rencana.

Sementara gambaran umum buku *Pelita Bahasa Melayu (PBM)* dari kesemua penggal merupakan buku tatabahasa dan latihan penggunaan bahasa Melayu yang dikarang oleh Pendeta Za'ba (Zainal Abidin Ahmad [r.h]). Buku ini diterbitkan oleh pejabat karang-mengarang,

Jabatan Pelajaran, Persekutuan Tanah Melayu yang ditulis dan diterbitkan dalam tiga penggal berasingan iaitu Penggal I, Penggal II dan Penggal III. Dan ketiga-tiga penggal ini telah dicetak semula oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada tahun 1962.



Gambar 1. Sekilas gambaran buku *Pelita Bahasa Melayu (PBM)* Penggal 1, 2 dan 3.

Sumber: Pejabat karang-mengarang, Jabatan Pelajaran, Persekutuan Tanah Melayu.

- Bab-bab didalam buku *Pelita Bahasa Melayu (PBM)* penggal 1 mengandungi 16 bab. Perbincangan lanjut buku tersebut adalah seperti berikut:

Secara keseluruhan PBM Penggal I cetakan yang baru mengandungi 16 Bab. Di antara kandungannya adalah bab 1 dan 2 membincangkan vokal dan konsonan bahasa Melayu. Bab 3 dan 4 membincangkan huruf dan ejaan Jawi. Bab 5 dan 6 membincangkan fasal ejaan Rumi. Bab 7 hingga 11 membincangkan satu aspek morfologi iaitu golongan kata iaitu kata nama, kata perbuatan, kata sifat, kata sendi dan kata seruan. Golongan ini dipecah-pecahkan kepada sub-golongan yang diuraikan dalam bab seterusnya. Bab 12 dan 13 membincangkan aspek huruf penambah sebagai imbuhan seta fungsi dan makna imbuhan. Bab 14 hingga 16 membincangkan kaedah rangkai kata dan ayat serta pembinaan ayat tunggal dan majmuk.

PBM Penggal 1 ini berpengaruh sebagai nahu pedagogi terulung bahasa Melayu di Nusantara. Hal demikian kerana kejelasannya dalam memberi huraian dan bermanfaat buat penutur bahasa Melayu yang menjadikannya sebagai antara rujukan yang utama yang dirujuk oleh masyarakat Melayu. Dan penggal 1 ini mengandungi 333 fasal dan 85 unit latihan. Carta yang digunakan semuanya berbentuk jadual. Namun, ketiadaan senarai jadual dalam indeks kandungan menyebabkan pembaca perlu mencari sendiri jadual yang disediakan. Antara kandungan yang menarik ialah tentang sejarah penggunaan tulisan Sanskrit, Jawi dan Rumi dalam penulisan bahasa Melayu. Walaupun tanpa sandaran penyelidikan, hujah Za'ba boleh dijadikan hipotesis persuratan Melayu dari segi sistem tulisan. Za'ba mengatakan bahawa pada zaman istana dikuasai oleh raja beragama Hindu, dokumen rasmi yang ditulis pada batu bersurat menggunakan tulisan Sanskrit.

Jadual 1 Senarai jadual isi kandungan *Pelita Bahasa Melayu (PBM)* Penggal pertama yang mengandungi 16 bab

BAB	TAJUK
I	Bunyi Suara Digambarkan dengan Huruf
II	Huruf Besar dan Huruf Saksi
III	Ejaan dan Tulisan Jawi
IV	Ejaan Jawi pada Perkataan Memakai Menambah
V	Petua-petua Ejaan Rumi
VI	Petua-petua Ejaan Rumi (Sambungan)
VII	Jenis-jenis Perkataan dan Kerja-kerjanya
VIII	Perkataan Nama dan Gantinya
IX	Perkataan Perbuatan

X	Perkataan Sifat
XI	Perkataan Sendi dan Seruan
XII	Huruf-Huruf Penambah
XIII	Huruf-Huruf Penambah (Sambungan)
XIV	Kaedah Rangkai Kata
XV	Ayat-Ayat Melayu: Kejadianya dan Ikatannya
XVI	Jenis-Jenis Ayat dan Huraianya

Sumber: *Pelita Bahasa Melayu (PBM)* Penggal 1.

- Bab-bab didalam buku *Pelita Bahasa Melayu (PBM)* penggal 2 mengandungi 12 bab. Perbahasan lanjut buku tersebut adalah seperti berikut:

Buku *Pelita Bahasa Melayu* Penggal 2 merupakan aspek-aspek karangan, iaitu untuk kegunaan darjah-darjah rendah (Penggal II) di sekolah-sekolah Melayu. Dalam edisi kedua penggal ini ada beberapa pembedulan kecil telah dilakukan. Sedangkan huraian setiap bab bermula dari bab 1 hingga 12. Huraian bab 1 mengandungi kaedah membina ayat-ayat tunggal yang mudah dengan mencerakinkan bahagian-bahagiannya. Bab 2 menghuraikan ayat positif (ya) dan ayat negatif (nafi). Bab 3 menghuraikan pembinaan ayat, dan penyambungannya. Bab 4 pula diteruskan dengan perbincangan penyambungan dan penggabungan ayat, selapis menjadi berlapis dan bercampur menjadi perenggan.

Kemudian perbahasan mengenai tanda baca atau berhenti dibincangkan dalam bab 5 dan 6. Bab 7 pula berisi huraian dan latihan tentang cakap ajuk dan cakap pindah. Bab 8 memberi huraian permulaan mengarang dan disambung dengan latihan lanjut dalam bab 9. Bab 10 memberi penjelasan kepada bentuk perenggan sebagai kesatuan fikiran dan diikuti dengan latihan. Bab 11 menumpukan perkataan pembatas karangan sebagai pemula perenggan. Dan bab 12 memberi tumpuan kepada penghabis atau peutup karangan. Bahagian akhir buku ini berisi lampiran yang berupa cerita-cerita pendek yang mudah sebagai contoh dalam membuat karangan.

PBM penggal 2 ini tertumpu kepada asas karang-mengarang. Di mana Za'ba memberi penekanan bahawa karangan terbentuk daripada sekumpulan ayat. Bermula dengan asas subjek dan predikat, huraian dikembangkan kepada jenis dan ragam ayat, tanda baca dan penggunaan rangkai kata (frasa) penerangan. Za'ba memberikan petua mengarang daripada karangan biasa hinggalah kepada genre tradisional, cereka dan surat kiriman. Sehubungan dengan itu, melalui buku PBM penggal 3 oleh Za'ba dirujukan untuk pelajar darjah tinggi sekolah Melayu dan penuntut tahun pertama maktab perguruan. Dalam kata lain, Za'ba berhasrat ingin menjadikannya sebagai lanjutan dari buku PBM Penggal 1 dan 2.

Jadual 2 Senarai jadual isi kandungan *Pelita Bahasa Melayu (PBM)* Penggal ke-2 yang mengandungi 12 bab.

BAB	TAJUK
I	Permulaan Mengarang
II	Lain-Lain Latihan Membuat Ayat
III	Mengarang Ayat-Ayat Tunggal Jadi Cerita: Menyambung-Nyambungkannya
IV	Cara-Cara Persambungan Ayat
V	Memakai Tanda-Tanda Berhenti Dalam Tulisan Melayu (Jawi)
VI	Memakai Tanda-Tanda Berhenti (Sambungan)

VII	Cakap Ajuk dan Cakap Pindah
VIII	Permulaan Latihan Mengarang
IX	Lagi Latihan Mula-Mula Mengarang
X	Perenggan-Perenggan Karangan
XI	Perkataan-Perkataan Pembatas Karangan
XII	Perkataan-Perkataan Penghabis Karangan

Sumber: *Pelita Bahasa Melayu (PBM)* Penggal 2.

- Bab-bab didalam buku *Pelita Bahasa Melayu (PBM)* penggal 3 mengandungi 15 bab. Perbahasan lanjut buku tersebut adalah seperti berikut:

Pelita Bahasa Melayu (PBM) penggal 3 merupakan jilid terakhir PBM. Buku ini dikarang antara tahun 1946 hingga 1947. Buku ini mengandungi 15 bab yang khusus hal karang-mengarang dan perbincangan mengenai kesalahan dan pembetulan bahasa. Kandungan bab 1, 2 dan 3 membincangkan kaedah mengarang dan kesalahan-kesalahannya. Cara memakai kata ganti nama, kata kerja dan beberapa kata tugas dibincangkan dalam bab 4,5 dan 6. Bab 9, 10 dan 11 membincangkan cara-cara menggunakan pantun, syair dan unsur-unsur ungkapan indah dalam mengarang. Bab 12 dan 13 membincangkan fasal surat kiriman dan jenis-jenisnya. Bab 14 memberi suatu aspek baharu dalam memahami dan merumuskan semula karangan. Hal ini diikuti dengan bab 15 sebagai bab terakhir yang mengandungi teladan karangan. Buku ini diakhiri dengan lampiran penting untuk guru, dengan membincangkan cara mengajar karangan rencana.

Walaupun ditulis 10 tahun sebelum Tanah Melayu bebas daripada cengkaman penjajah Inggeris, Za'ba telah menzahirkan harapan agar bahasa Melayu dimajukan sebagai bahasa rasmi pemerintahan yang dihormati dan dipelihara martabatnya. Beliau juga menyeru kepada ahli bahasa supaya bersikap lapang dada dan realistik demi kemajuannya. Sama seperti saranan sosiolinguistik, Za'ba berpendapat bahawa perubahan tatabahasa tidak dapat ditahan. Misalnya, lambat-laun penggunaan "di" untuk masa (di hari, di zaman) akhirnya terpaksa diterima sebagai betul jua. Beliau telah menulis tiga bab khusus untuk menerangkan kesalahan dan kecacatan dalam karangan. Beliau memberi teguran tentang pemilihan kata (diksi), kecenderungan menulis ayat yang panjang-panjang dan penggunaan perkataan yang pelik-pelik. Pada Za'ba, sesebuah karangan yang baik itu ialah karangan yang mudah difahami dan fokus (dihadkan).

Za'ba turut membuat analisis beberapa prosa klasik dan contoh karangan yang ditulis oleh murid beliau sendiri. Selain itu, beberapa contoh karangan lengkap turut dimuatkan. Sebagai panduan kepada guru, beliau menyediakan sejumlah 76 rangka karangan rencana dan sembilan kumpulan tajuk karangan lain. Hal ini telah menjadi pencetus kepada gaya dan karangan yang digunakan oleh penutur bahasa Melayu. Apabila terdapat sebuah buku yang sama digunakan, maka dapat dipastikan gaya dan karangan bagi membina penulisan bahasa Melayu itu selaras. Kini, gaya dan karangan diperluaskan dengan pelbagai teori daripada tokoh-tokoh linguistik Barat. Hasilnya, maka wujudlah pelbagai gaya dan laras bahasa dalam ketamadunan Melayu. Ensiklopedia Melayu menyenaraikan gaya bahasa dalam beberapa bentuk antaranya adalah bahasa ilmu, intelektual, sosial, saintifik atau akademik, pidato, protokol, temu duga atau wawancara, perdebatan parlimen, perbincangan atau perundingan, perbahasan, doa, khutbah, panduan pengguna, tunjuk ajar, komentari, resepi, laporan, borang, iklan, surat, SMS atau WA, cogan kata dan isyarat. Bahasa-bahasa ini berkembang daripada penerangan Za'ba dalam buku PBM-nya.

Jadual 3 Senarai jadual isi kandungan *Pelita Bahasa Melayu (PBM)* Penggal ke-3 yang mengandungi 15 bab

BAB	TAJUK
I	Bagaimana Hendak Mengarang
II	Sedikit Lagi Petua-Petua Mengarang
III	Kesalahan-Kesalahan dalam Ayat Karangan
IV	Cara Memakai Setengah-Setengah Perkataan
V	Cara Memakai Setengah-Setengah Perkataan Sendi Nama
VI	Cara Memakai Setengah-Setengah Perkataan Sendi Kata
VII	Kecacatan Karangan
VIII	Kecacatan Karangan (Sambungan)
IX	Menghiasi Karangan
X	Mengarang Pantun dan Syair
XI	Mengarang Sajak, Gurindam dan Seloka
XII	Mengarang Surut Kiriman yang Senang-Senang
XIII	Lain-Lain Jenis Surat Kiriman
XIV	Memahami Karangan: Mengarangkan Semula
XV	Beberapa Teladan Karangan

Sumber: *Pelita Bahasa Melayu (PBM)* Penggal 3.

- Keistimewaan buku *Pelita Bahasa Melayu (PBM)*. Ada banyak keistimewaan tersimpan dalam buku ini, di antaranya adalah:

Buku ini merupakan rujukan bahasa Melayu sejak mula diterbitkan pada tahun 1940 yang telah diterbitkan sebagai buku panduan yang tertumpu kepada bidang tatabahasa Melayu yang begitu mantap kandungannya sehingga dianggap karya terbaik yang pernah ditulis sebelum datangnya ilmu linguistik moden dan buku-buku bahasa Melayu lainnya yang berteraskan pendekatan ilmu baharu tersebut. Selain itu, buku ini bukan sahaja luar biasa dari segi kandungannya tetapi juga telah bertahan begitu lama dan digunakan sebagai buku rujukan bahasa oleh semua orang, sama ada guru yang mengajar bahasa Melayu di sekolah dan maktab mahupun oleh orang ramai yang menggunakannya dalam kerja-kerja harian di pejabat.

Walaupun banyak buku bahasa Melayu yang ditulis pada pertengahan abad ke-20 dan selepasnya, namun yang menggunakan pendekatan-pendekatan baharu, isi kandungan buku-buku tersebut tetap sama dengan yang diuraikan dalam buku *Pelita Bahasa Melayu* di tiga penggal ini. Yang baharu biasa hanyalah cara olahan dan istilah-istilah yang berdasarkan pendekatan ilmu linguistik moden. Walaupun dengan adanya kemajuan ilmu linguistik moden, cara olahan dan istilah-istilah yang digunakan kini agak ketinggalan zaman. Namun, isi buku PBM dari tiga penggal tetap menjadi rujukan kerana buku tersebut menghuraikan tatabahasa bahasa Melayu, iaitu tentang morfologi dan sintaksis. Sedangkan dari sudut ilmu linguistik moden, huraian tentang aspek morfologi boleh dilengkapi lagi tetapi perbincangan tentang sintaksis amat baik. Inilah juga yang menjadi salah satu keistimewaan buku ini. Malahan bagi seorang yang tidak mendapat latihan formal dalam bidang ilmu linguistik, Za'ba telah berjaya mendalami tatabahasa bahasa Melayu dengan menghasilkan sebuah buku yang benar-benar mampu menghuraikan bentuk dan binaannya yang menjadi pegangan sekian lama. Oleh sebab itu, kalau buku PBM dikaji lebih terperinci terhadap kandungannya maka akan lebih mengenali pendekatan linguistik moden dari karya yang sangat bernilai tinggi ini.

Maka dapat dikatakan bahawa keseluruhan dari beberapa perbincangan mengenai bahasa Melayu dan tulisan Jawi dalam buku *Pelita Bahasa Melayu (PBM)* karangan Za'ba ini sangat lengkap.

Hanya kami rasai sebagai pengkaji masih banyak lagi yang tidak sempat dihuraikan secara terperinci dalam perbincangan tersebut, akan tetapi dengan perbincangan ringkas di atas diharapkan cukup untuk memberikan gambaran betapa kaedah pengajaran bahasa yang telah dipopularkan oleh pengarangnya Za'ba dapat memberikan kesan bermakna dan mendalam terhadap peminat-peminat bahasa dan juga tulisan Jawi di seluruh Asia Tenggara khususnya dan dunia amnya.

Sebagai rumusannya, buku *Pelita Bahasa Melayu* penggal 1 lebih membincangkan isu-isu tatabahasa berbanding buku *Pelita Bahasa Melayu* penggal 2 dan 3 yang lebih memfokuskan mengenai karang-mengarang. Gaya dan karangan ini ditulis untuk diajarkan kepada murid mahupun sebagai rujukan guru. Permulaan kepada usaha Za'ba ini telah membuahkan hasil dan masih disebut-sebut serta dikaji sehingga ke hari ini. Malah terdapat pendapat yang mengatakan bahawa Za'ba telah menabur bakti dengan meletakkan satu asas yang kukuh berhubung dengan kaedah bahasa dan nahu Melayu. Bidang ini seterusnya diperluaskan lagi oleh tokoh-tokoh bahasa lain di tanah air seperti Asmah Haji Omar, Abdullah Hassan dan sebagainya.

Semoga penulisan yang tidak seberapa ini dapat menjadi panduan dan pedoman buat insan yang sedang ingin belajar mengenali bahasa ibunda sendiri. Terutamanya, yang ingin mengkaji ketiga-tiga penggal *Pelita Bahasa Melayu (PBM)* ini yang merupakan suatu bahan pedagogi yang lengkap bagi bahasa Melayu pada masa itu sehingga kini. Olahan dan huraian yang mudah dan jitu bagi memudahkan pembelajaran bahasa Melayu. *Pelita Bahasa Melayu (PBM)* sebenarnya telah menjadi asas penting kepada usaha-usaha para cendekiawan untuk mengkaji lanjut tentang tatabahasa Melayu. Setelah sekian lama buku ini digunakan di semua lapisan masyarakat Melayu, barulah terbit Tatabahasa Dewan I pada tahun 1987 dan Tatabahasa Dewan II pada tahun 1989 sebagai penyeimbangannya.

PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Hasil kajian kami secara keseluruhannya, dalam hal ini dapat kami katakan bahawa sumbangan dan karya Za'ba melalui bukunya *Pelita Bahasa Melayu (PBM)* penggal 1, 2 dan 3 ternyata pengembangan ke arah memantapkan tatabahasa Melayu dan juga tulisan Jawi yang lebih mendominasi perbincangannya, jika dibandingkan dengan karya beliau yang lainnya. Selain itu, kami dapati bahawa yang paling banyak digunakan untuk karya-karya Za'ba yang lain juga berdasarkan bahasa dan tulisan Jawi sebagai penggalakan penguasaan bahasa Melayu ini dan seterusnya sebagai pilihan tambahan dalam mengungkapkan khazanah tulisan Jawi dan juga kemahiran menghasilkan karangan dalam masyarakat Melayu di Nusantara.

Perbincangan

Seperti yang kita ketahui, bahawa memang sukar menjadi penulis produktif seperti yang telah dibuktikan oleh Za'ba, tetapi beliau sudah membuktikan dengan menulis pelbagai genre tulisan terutama tatabahasa Melayu dan kaedah tulisan Jawi, namun perjuangannya dalam memartabatkan dan memantapkan bahasa dan tulisan Jawi, kita anggap belum ada penggantinya sehingga kini tetapi penggiat dan pejuang bahasa dan tulisan Jawi setempat tidak boleh berputus asa dan harus terus berusaha mencari penggantinya agar peminatnya di Alam Melayu tetap terus ada. Apatah lagi bahasa merupakan indentiti suatu bangsa, dan tulisan Jawi pula sebagai tulisan yang dipengaruhi oleh seni khat memiliki kehalusan seni dari Asia Barat, selain bentuknya berwibawa, coraknya bersusun-susun, memiliki segi estetik menarik, memaparkan motif keindahan kaedah yang mengkagumkan menyatu dengan seni dan budaya Melayu.

Tetapi betapapun indahnya tulisan Jawi, ia tetap mendatangkan kesukaran kepada orang Melayu yang tidak biasa dengan selok belok tulisan tersebut. Demi memasyarakatkan penggunaan bahasa dan tulisan Jawi ini, maka tidak hairanlah penggiat tulisan ini banyak mengusahakan cara dan kaedahnya agar tulisan tersebut tetap sebagai khazanah tulisan yang kekal sehingga bila-bila masa. Selain itu, bahasa tulisan Melayu ini juga diharapkan dapat digunakan sebagai bahasa lisan dan tulisan yang memasyarakat dalam pelbagai bahan dan buku, kerana kekerapan penggunaannya dikatakan banyak membantu untuk pengembangannya. Selain tulisannya, juga telah biasa dilihat orang Islam Malaysia khasnya dan Nusantara amnya, demi menambahkan lagi variasi tulisan yang dapat membantu para pembaca orang Melayu dalam mempelbagaikannya.

Sementara itu, Za'ba juga perlu dikaitkan dengan EZ dan EJYD apabila beliau diminta terlibat dalam satu jawatankuasa yang diamanahkan menyemak *Daftar kata bahasa Melayu: Rumi-sebutan-Jawi*, edisi pertama, sebanyak dua jilid, tiga cetakan untuk tahun 2001, 2003, dan 2004. Antara ahlinya ialah Tuan Hj. Hamdan Abdul Rahman, Prof. Emeritus Dr. Amat Juhari Moain, Matlob, Prof. Emeritus. Dr. Muhammad Bukhari Lubis, dan Ismail Dahaman (mantan pegawai DBP). Mereka mengadakan bengkel penting terakhir pada 22-24 Mac 2002 (untuk jilid I) dan 8-13 April 2002 (untuk jilid II). Akhirnya terbitlah buku *Daftar kata bahasa Melayu: Rumi-sebutan-Jawi*, edisi kedua untuk satu jilid sahaja, pada tahun 2008.

Za'ba merupakan tokoh yang telah membuktikan kepakarannya, beliau datang dengan mengetengahkan karya-karyanya yang mengagumkan, bahkan banyak diminati para pencinta tatabahasa, bahasa dan tulisan Jawi sejak tahun 50-an lagi, kerana karya-karya Za'ba tidak semata-mata mementingkan tulisan, tetapi beliau juga mengembangkan ilmu tentang bahasa dan tulisan tersebut yang tetap menjaga kualiti dan kuantitinya. Selain itu, buku terbitan beliau sentiasa bertambah tahun demi tahun, sama ada berbentuk pengajaran, untuk bacaan kanak-kanak, remaja mahupun dewasa dan sebagainya. Bahkan buku dan karya beliau tetap terus terjaga ketelitian tulisan dan kaedahnya yang senantiasa tersusun dan ketepatan kaedahnya digunakan di dalamnya. Barangkali dengan menjaga ini semua, maka telah terhasil karya-karya berwibawa beliau sehingga menyebar luas di Nusantara.

Cadangan

Berikut beberapa perbincangan lanjut temuan kajian yang perlu pengkaji kemukakan sebagai cadangan, untuk dijadikan sebagai bahan dalam merealisasikan perjuangan dan pemertabatan bahasa Melayu dan kaedah tulisan Jawi yang telah diperjuangkan oleh Za'ba sehingga dirasai hampir ke seluruh Asia Tenggara, iaitu:

Melalui kajian ini, dapat dinyatakan bahawa hampir semua negeri di Semenanjung termasuk Sabah dan Sarawak, kalau mengikut gagasan beliau melalui karya-karyanya terutama *Pelita Bahasa Melayu (PBM)*, maka tidak mustahil akan dapat melahirkan generasi pelapis penerus khazanah tatabahasa Melayu dan tulisan Jawi ini bagi orang Melayu di Asia Tenggara selama pengajaran dan pembelajarannya tetap dilanjutkan secara berterusan. Kemudian penerapan kaedah dan juga tulisan Jawi di beberapa tempat di seluruh Semenanjung sehingga meliputi ke seluruh Nusantara, diharapkan dapat menerapkan kaedah pengajaran dan pembelajaran tulisan Jawi yang betul.

Pengajaran tatabahasa Melayu yang baik dan penerapan tulisan Jawi dalam pelbagai buku warisan sumbangan Za'ba, dapat menjadikan tulisan yang semakin berharga dan bernilai tinggi untuk dijadikan sebagai tulisan di pelbagai tempat dan bidang. Dan bantuan kewangan yang sewajarnya hendaklah dihulurkan untuk lebih memajukan lagi bidang bahasa dan penulisan ini. Selain itu, Jabatan Agama Islam Negeri-negeri, diharapkan dapat membantu pengembangan dan kegiatan bahasa Melayu dan tulisan Jawi supaya usaha tersebut dibuat dengan betul dan menarik sehingga mampu memberikan kesan luaran dan dalaman bagi pencintanya. Untuk ini

juga, Jabatan Agama Islam di negeri-negeri, atau Persatuan Bahasa dan Penulis Negeri-negeri, Yayasan, Kolej, Institusi, Universiti, dan sebagainya diminta agar dapat menubuhkan persatuan atau kelab pencinta bahasa atau tulisan Melayu, agar dapat mencari pelapis berbakat yang betul-betul mampu menjadi pewaris Za'ba pada masa akan datang.

Diharapkan juga kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), untuk membuat sukatan pelajaran di Sekolah Menengah dalam mengajarkan kemahiran bahasa dan tulisan Melayu ini yang menggunakan kemahiran khusus yakni kemahiran menulis Jawi. Kemudian meminta juga kepada para pencinta dan peminat bahasa dan tulisan Jawi untuk lebih meningkatkan lagi keterampilan menulis tulisan Jawi ini dan penguasaan terhadap kaedahnya, bermula daripada peringkat Sekolah Awal Kanak-kanak (Tadika dan Taska), Sekolah Rendah, dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) sehingga peringkat dewasa. Selain itu, perlu ada universiti atau institusi yang dapat mempelbagaikan lagi programnya. Sekiranya penggunaan kaedah Jawi Za'ba, pastikan penggunaannya betul, khususnya menyangkut nama, ejaan, tatabahasa, uslub, dan sebagainya.

Aktiviti penulisan kaedah Jawi Za'ba perlu terus dilestarikan sebagaimana beliau telah contohkan, sekiranya terdapat juga tulisan abstrak, berseni campuran, atau berbahasa Melayu, dan bahasa lain yang dipaparkan, hendaklah sentiasa dipantau supaya ia gramatis dan menarik selain menghindarkan segala kesalahan ejaan dan tulisannya yang tidak sesuai dengan kaedah yang sedia ada. Diharapkan juga untuk masa jangka panjang, semua institusi sentiasa berusaha memberi kursus-kursus penting yang dapat melahirkan penulis-penulis Jawi yang berbakat. Wajar sekali selalu diadakan pertandingan membaca dan menulis kaedah Jawi Za'ba di semua peringkat atau seminar dan simposium untuk mencapai matlamat ini. Melalui hal tersebut, maka dalam konteks kaedah tulisan Jawi Za'ba ini, agar ada kerjasama dari semua pihak untuk membuat aktiviti dan program secara bersamaan, jika bersepakat tentu dapat membuat pelbagai kegiatan sehingga dapat memantapkan pengenalan dan penguasaan kaedah tulisan Melayu ini di sekolah, pejabat, universiti, dan sebagainya seperti yang telah Za'ba wariskan kepada kita semua.

KESIMPULAN

Kesimpulan, perlu direnungi bahawa bahasa Melayu dan tulisan Jawi merupakan salah satu warisan masyarakat Melayu yang dipelbagaikan kegunaannya dalam segala keperluan sosial, ekonomi, agama, seni dan budaya. Ia terus berkembang kerana adanya dukungan daripada tulisan Arab, al-Quran, dan al-Hadith sebagai konsep tulisannya. Melalui kaedah asas yang telah ditunjukkan Za'ba melalui buku karyanya *Pelita Bahasa Melayu (PBM)* dengan menggunakan pelbagai pendekatan dan bentuk kaedah yang beliau kembangkan dapat dijadikan sebagai titik tolak kesungguhan dan kegigihan yang ditunjukkan oleh beliau sebagai pejuang bahasa Melayu dan tulisan Jawi yang baik dan betul, sekali gus dapat dijadikan sebagai tokoh pemartabatan tulisan tersebut di Nusantara.

Ketokohan Za'ba sebagai Bapa Tatabahasa Melayu telah berjasa membina asas tatabahasa pegangan utama hingga ke hari ini yang merupakan sumbangan terbesar dalam bidang bahasa dan linguistik, khususnya bahasa Melayu. Walaupun mempunyai sumber rujukan yang terhad pada era Za'ba, namun beliau berjaya menghasilkan asas tatabahasa yang memudahkan lagi penghasilan rumus-rumus tatabahasa berikutnya yang ditulis oleh tokoh-tokoh bahasa lainnya pada hari ini. Pendedahan mengenai tatabahasa ala Za'ba sepatutnya juga diberikan kepada para pelajar supaya mereka mengetahui bagaimana kehebatan dan kesukaran dalam membina rumus-rumus tatabahasa yang menjadi rujukan kuat pada hari ini untuk dijadikan sumber pengajaran di sekolah-sekolah, khususnya dalam pengajaran bahasa Melayu serta rujukan pengkaji nahu dan stilistika Melayu lama di peringkat pengajian yang lebih tinggi. Oleh sebab itu, pengajaran bahasa Melayu dan kaedah tulisan Jawi Za'ba merupakan salah satu sumber

penting sebagai identiti jati diri orang Melayu dalam menunjukkan bahasa dan corak budaya masyarakatnya. Hal ini tidak terlepas daripada makna, falsafah, bentuk, dan corak karya dan tulisan yang telah digambarkan oleh Za'ba melalui pelbagai bukunya.

Za'ba merupakan tokoh agung yang pernah lahir di Alam Melayu, tetapi kini mereka telah meninggalkan kita pergi untuk selama-lamanya, tetapi mereka masih menyisahkan nama dan semangatnya dalam masyarakat Melayu sebagai pejuang bahasa Melayu dan tulisan Jawi Za'ba, juga dikenal sebagai pejuang gigih dalam memartabatkannya. Nama beliau terukir indah dalam pahatan sejarah. Za'ba telah tiada namun tetap meninggalkan pelbagai karya bermakna untuk pengajaran dan pembelajaran. Tulisan tersebut mereka lengkapi dengan kaedah, model, gaya, dan teknik tersendiri yang berguna bagi pencinta-pencinta warisan bahasa dan Jawi. Semoga karya-karya Za'ba ini mampu diterjemahkan oleh masyarakat Islam di Nusantara sebagai penyambung cita-cita beliau. Selain berfungsi sebagai karya agung yang hadir di tengah-tengah masyarakat sebagai obor penerang kehidupan mereka yang bertamadun dan bermartabat dari masa ke masa.

RUJUKAN

- Adnan Haji Awang. (1998). *Za'ba dan Melayu*. Kuala Lumpur: Berita Publishing House.
- Amat Juhari Moain. (November 1990). *Kaedah Ejaan Jawi Moden*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Termpilan '90 International Conference for Terminology Planning di Kuala Lumpur.
- Amat Juhari Moain. (1996). *Perancangan Bahasa: Sejarah Aksara Jawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. (1978). *Pengajaran Bahasa Malaysia dalam Konteks Perancangan Bahasa kebangsaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. (1982). *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. (2008). *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Awang Sarian. (2009). *Sintaksis Bahasa Melayu bersumberkan Karya Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamdan Hj. Abdul Rahman. *et.al.* (April 1984). *Sistem Ejaan Jawi Bahasa Melayu*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Konvensyen Kebangsaan Tulisan Jawi di Terengganu.
- Hashim Musa. (2006). *Sejarah Perkembangan Tulisan Jawi*. (edisi kedua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130907/dn_20/Pak-Matlob-pejuang-tulisan-Jawi-moden-meninggal-dunia#ixzz2wybYwRgO © Utusan Melayu (M) Bhd. Dilayari pada 10 April 2017.
- http://www.utusan.com.my/utusan/Rencana/20130909/re_05/Pak-Matlob---pejuang-sejati-perkembangan-tulisan-jawi#ixzz2wyc2tZRk. © Utusan Melayu (M) Bhd. Dilayari pada 10 April 2017.
- <http://melayuonline.com/personage/?a=UHF3L29QTS9VenVwRnRCb20%3D=Za'ba>.
- Azhar Rodzi. 2010. *Tatabahasa Za'ba Khazanah Warisan (The Root of Modern Malay Language Grammar)*. Diperoleh pada 10 April 2017 daripada <http://cikguazharrodzi.blogspot.my/2010/03/tatabahasa-zaba-khazanah-warisan-root.html>
- Kamus Besar Bahasa Indonesia*. (1988). Jakarta: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia.
- Kamus Dewan*. Edisi baru. (1989). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kehidupan. 1895/1973. Kategori: Penulis Malaysia. *Minangkabau Malaysia, Pemikir Melayu, dan Penulis Malaysia*. Pusat Dokumentasi Melayu. Kuala Lumpur: DBP.
- Kehidupan. 1937/2013. Kategori: Penulis Malaysia. Pusat Dokumentasi Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Makmur Haji Harun & Muhammad Bukhari Lubis. (April 2014). *Komitmen dan Kegigihan Berterusan Pak Matlob dalam Memartabatkan Tulisan Jawi*. Kertas kerja dibentangkan dalam Simposium Pemikiran Pak Matlob oleh Warisan Yayasan Johor.
- Matlob. (2003). *Pandai Jawi*. Shah Alam: Cerdik Publications Sdn. Bhd.
- Muhammad Bukhari Lubis, et.al. (2006). *Tulisan Jawi: Sehimpunan Kajian*. Shah Alam: Pusat Penerbit Universiti (UPENA) UiTM.
- Muhammad Bukhari Lubis, Makmur Haji Harun & Alizah binti Lamri. (2013). *Jawi: Warisan Warga Alam Melayu*. Tanjong Malim: Penerbit Mentari.
- Muhammad Bukhari Lubis & Makmur Haji Harun. (November 2013). *Pak Matlob (r.h) dan pengkaryaan tulisan Jawi dan nilai ekonomi tulisan Jawi*. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Mengenang Pak Matlob Pejuang Tulisan Jawi dan Sastera Kanak-kanak.
- Pedoman Ejaan Jawi yang Disempurnakan*. (1986). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shafie Abu Bakar. (April 2015). Za'ba tokoh bahasa dan nahu Melayu ulung. *Tokoh persuratan dunia numer 2013*. Dimuat turun daripada <http://drshafie.blogspot.my/2015/04/zaba-tokoh-bahasa-dan-nahu-melayu-ulung.html>.
- Wan Abdul Kadir Wan Yusof. (1996). *100 tahun Za'ba, Za'ba: Pejuang Bangsa*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Zainal Abidin bin Ahmad (Za 'ba). (2000). *Pelita Bahasa Melayu*, Penggal I – III. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- JMBRAS. Jilid. IV. 1982. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

LAMPIRAN



a




b




c

Lampiran 1. a. Gambar potret diri Za'ba yang sempat diabadikan oleh wartawan, gambar beliau ini menunjukkan ciri orang Melayu berbudi [Sumber: www.google.com]. b. Za'ba ketika bergambar di pejabat karang mengarang Sultan Idris Training College for Malay Teachers (SITC), Tanjong Malim, Perak, pada 25 Mac 1933. [Sumber: Abdullah Hussain, Khalid M. Hussain, 2000]. c. Gambar Za'ba dengan isterinya sebagai kenangan yang abadi tidak akan dilupakan, dan ini yang menunjukkan bahawa beliau selalu memahami pasangan di samping kerja hakiki beliau [Sumber: <https://www.google.com.my>].



d




e

Lampiran 2. d. Gambar buku hadapan *Pemikiran Za'ba dalam falsafah takdir 1932*, oleh Nordi Achie. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah [Sumber: [http:// thereading groupmalaysia.blogspot.com](http://thereadinggroupmalaysia.blogspot.com)]. e. Gambar buku hadapan *Za'ba ahli fikir dan ahli bahas*, oleh Asma Haji Omar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka [Sumber: Asma Haji Omar, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur].



f



g

Lampiran 3. f. Gambar buku hadapan *Pendita Za'ba perangai bergantung kepada diri sendiri*, oleh Za'ba dan Asma Haji Omar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka [Sumber: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur]. g. Gambar buku hadapan *Za'ba dan Melayu*, oleh Adnan Hj Nawang. Tanjong Malim: Penerbit UPSI [Sumber: Adnan Hj Nawang, Penerbit UPSI, Tanjong Malim].

